

# Kadar pertukaran **asing** tidak dinilai semula

UM 27 JUL 2004  
KUALA LUMPUR 26 Julai – Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menilai semula rejim kadar pertukaran asing kerana nilai ringgit masih disokong oleh asas-asas ekonomi ekonomi kukuh.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, akaun semasa imbalan pembayaran negara mencatatkan lebihan, kadar inflasi berada di tahap yang rendah dan kedudukan rizab antarabangsa kekal kukuh.

Menurutnya, dalam keadaan pasaran pertukaran asing yang mudah ubah, kadar pertukaran yang tetap memberi kepastian bagi tujuan dagangan dan pelaburan.

Dalam suasana sekarang ini, katanya, perubahan ke atas kadar pertukaran tetap dan penurunan dalam nilai ringgit tidak akan memberi faedah kepada Malaysia kerana permintaan dunia pada keseluruhannya, adalah lemah dan sektor elektronik pula sedang mengalami kitaran menurun.

“Oleh itu, penurunan nilai ringgit kepada tahap yang lebih rendah berbanding dolar Ameri-

ka Syarikat tidak akan meningkatkan eksport Malaysia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan bertulis kepada soalan **Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun)** sama ada kerajaan bercadang untuk menilai semula kadar tukaran asing dolar Amerika Syarikat pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

## Inflasi

Perdana Menteri berkata, sektor dagangan negara-negara serantau yang mengalami penurunan mata wang kebelakangan ini, juga tidak menunjukkan peningkatan.

“Sebaliknya, akan mengakibatkan kos input yang diimport meningkat dan akan menyebabkan kadar inflasi yang lebih tinggi,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, nilai ringgit yang rendah juga akan menyebabkan kos pembayaran khidmat hutang yang lebih tinggi.

“Ketidakpastian mengenai kadar pertukaran juga tidak akan menyediakan suasana yang positif dan menentu untuk mengendalikan perniagaan,” katanya.